

Headline	FAMA Terengganu sasar jualan RM200j		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	04 Feb 2020	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	140,000
Page No	40	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	315 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,678
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,034



FAMA Terengganu sasar jualan RM200j

Yakin mampu capai anggaran berdasarkan strategi diatur bersama usahawan tani terlibat

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Terengganu menyasarkan jualan sebanyak RM200 juta untuk 12 program yang dilaksanakan pada tahun ini.

Pengarahnya, Fauzi Mohamed berkata, pihaknya yakin dapat mencapai sasaran itu berdasarkan strategi dan perancangan yang telah diatur bersama usahawan tani terlibat.

“Daripada RM200 juta itu, kita sasar jualan sebanyak RM90 juta daripada jualan di pasar tani, RM80 juta jualan *outlet* runcit usahawan tani, RM6 juta daripada jualan di My Farm Outlet dan bakinya daripada jualan seperti di karnival My Best Buy dan lain-lain program,” katanya kepada Bernama di Kuala Terengganu, Terengganu semalam.

Program lain anjuran FAMA ialah seperti Jualan Terus Dari Ladang (JTDL), Karavan Tani, Motosikal Tiga Roda (M3R), Agropreneur Muda, Khidmat



Sasaran merupakan unjuran hasil jualan melibatkan 12 program dianjurkan sepanjang 2020.

Urusniaga Segar dan Kompleks Pemasaran Kekal.

Dalam pada itu, Fauzi berkata, FAMA Terengganu akan menganjurkan jualan istimewa My Best Buy pada 7 dan 8 Februari ini di Bandar Baru Kerteh di Kemaman sempena penganjuran Petronas Le Tour De Langkawi 2020.

Katanya, program menawarkan pelbagai produk hasil tani dengan harga yang lebih murah antara lima hingga 20 peratus berbanding harga pasaran.

“Kita jangka seramai 10,000 pengunjung akan hadir ke program selama dua hari itu dan pelbagai aktiviti menarik dise-

diakan kepada mereka termasuk pertandingan gubahan sayur dan buah.

“Paling menarik ialah jualan istimewa *Happy Hour* Produk Agromas dengan harga yang murah, khusus untuk pengunjung pada program jualan itu,” katanya.

Beliau berkata, antara produk hasil tani yang akan dijual pada program berkenaan ialah melon manis Terengganu, nanas MD2, madu kelulut, ‘Coconut Shake Kemburr’, pati bali dan pati durian belanda, nasi serai daging, ayam masak palem-bang, keropok lekor dan ketupat palas pelbagai inti. - *Bernama*